

Respon Perbankan Islam Malaysia Terhadap Risiko Kecairan Dan Perkitaran Ekonomi

Responses of Malaysian Islamic Banking on Liquidity Risk dan Economic Cycle

Ahmad Azam Sulaiman (ahmadazams@um.edu.my)
Mohammad Taqiuddin Mohamad (m.taqiuddin@um.edu.my)
Muhamad Lukman Samsudin (luqs_daie@yahoo.com.my)
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

ABSTRAK

Kecairan bank merupakan elemen penting dalam pengurusan aset sesebuah bank. Pengurusan kecairan bank yang teguh mampu menjana dana bagi memenuhi permintaan pendeposit dan peminjam pada bila-bila masa dengan harga yang memuaskan. Tanpa kecairan yang mencukupi, bank mungkin berhadapan dengan risiko fidusiari, risiko displaced commercial di samping risiko-risiko lain yang seterusnya menjejaskan kestabilan serta operasi bank keseluruhan. Justeru kajian ini cuba melihat sejauh mana perbankan Islam di Malaysia menguruskan kecairan mereka dengan mengambil kira beberapa faktor asas lain selain menyediakan beberapa implikasi dasar yang boleh realistik.

Keyword: Kecairan, Perbankan Islam

ABSTRACT

Bank liquidity is a key element in managing the assets of a bank. Bank liquidity management firm can raise funds to meet the demands of depositors and borrowers at any time with a satisfactory price. Without sufficient liquidity, the bank may be faced with the fiduciary risk, displaced commercial risk as well as other risks which in turn affect the stability and operation of the entire bank. Hence this study attempts to see the extent to which Islamic banking in Malaysia manage their liquidity, taking into account several basic factors other than providing some policy implications that can be realistic.

Keywords: Liquidity Bank, the Economic Cycle

PENGENALAN

Kecairan modal memainkan peranan yang penting dalam sesebuah institusi perbankan. Ia tercipta dari dana-dana yang terhasil dari orang ramai yang menandatangani wang mereka. Melalui dana tersebut, bank dapat mengembangkan lagi kecairan modal mereka melalui pelbagai cara seperti penciptaan kredit, pinjaman, pelaburan dan sebagainya. Elisabetta Gualandri et. all (2009) menekankan kepentingan kecairan pasaran untuk kestabilan pasaran kewangan, memainkan peranan penting dalam risiko kecairan untuk bangkit dari krisis kewangan semasa. Beliau mengkaji evolusi dalam konsep kecairan. Inovasi kewangan telah menyebabkan risiko kredit dialihkan kepada pelabur melalui pasaran kewangan. Akibatnya, tidak wujud hubungan antara kredit, pasaran dan risiko kecairan sementara kesan krisis yang berasaskan sistem kewangan telah menjadi sistematik. Oleh sebab itu, pengurusan risiko harus memikirkan kembali hubungan antara kecairan dan juga kemampuan bayar.

Pengalaman bank-bank di beberapa buah ekonomi maju ketika menghadapi tekanan mudah tunai akibat kegawatan pasaran kewangan semasa telah mendedahkan betapa semakin kompleksnya risiko mudah tunai selain menekankan betapa pentingnya risiko mudah tunai diurus dengan berkesan. Risiko mudah tunai yang ditakrifkan sebagai kegagalan sesebuah institusi kewangan untuk memenuhi keperluan aliran tunai yang dijangka dan tidak dijangka, memang sedia ada dalam fungsi pengantaraan kewangan institusi perbankan dan merupakan komponen penting dalam rangka kerja pengawalseliaan berhemat. Pengurusan risiko mudah tunai yang mantap adalah penting bagi mengelakkan ancaman kepada kesolvenan sesebuah institusi perbankan dan menghindar kehilangan keyakinan terhadap seluruh sistem kewangan yang akan memburukkan lagi kesan sistemik risiko mudah tunai.

Secara umumnya kajian dilakukan untuk melihat bagaimana institusi perbankan Islam di Malaysia bertindakbalas terhadap kitaran ekonomi. Adakah perbankan Islam berhati-hati dalam mengurus risiko kecairan mereka bagi mengelak krisis subprime sebagaimana berlaku di perbankan Amerika Syarikat tahun 2008. Kajian akan membuktikan pengurusan risiko berlandaskan Surah Yusuf ayat 42-48 yang mengajjar manusia untuk berjaga-jaga dengan kitaran ekonomi yang sentiasa berlaku. Kajian mempunyai objektif yang khusus iaitu:

- i. Mengetahui pasti isu-isu utama dalam pengurusan risiko kecairan perbankan
- ii. Membentuk permodelan ekonometrik terhadap pengurusan risiko kecairan perbankan Islam
- iii. Menyediakan beberapa bukti empirikal baru yang akan membuktikan peranan kitaran ekonomi terhadap pengurusan risiko kecairan

KAJIAN LITERATURE

Kecairan adalah ciri terpenting sesebuah bank. Melalui kecairan, sesebuah bank mampu menukarkan daripada liabiliti kepada aset. Pada masa yang sama, kecairan adalah bergantung kepada keyakinan operasi bank. Pelanggan meletakkan deposit mereka di dalam bank dengan keyakinan bahawa mereka mampu mengeluarkan semula wang mereka. Kemampuan kecairan mencerminkan sesebuah institusi perbankan itu, disebabkan kejatuhan kecairan sesebuah institusi mungkin menjatuhkan keseluruhan kestabilan kewangan negara. Oleh itu, adalah penting bagi sesebuah bank untuk mempunyai potensi kecairan yang mencukupi yang mampu menghadapi segala kemungkinan.

Alejandro Gaytan et.al (2003) pula menimbulkan persoalan dalam kajiannya adakah kecairan bank memberi kesan terhadap pelaburan dan pertumbuhan pada setiap tahap yang berbeza dalam pembangunan ekonomi. Mereka juga menimbulkan persoalan bagaimana ketidakkekuan kewangan bakal menyebabkan krisis perbankan di kebanyakan negara. Mereka menganalisa permasalahan ini menggunakan model pertindihan generasi ekonomi dalam kejutan kecairan boleh melaburkan dalam simpanan kecairan sepenuhnya dengan menggunakan *Cobb Douglas technology*. Dengan risiko kecairan, bank memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan mempertingkatkan dalam mengurangkan ketidakcukupan kecairan projek jangka panjang, tetapi mereka juga mungkin menghadapi krisis kecairan seiring dengan kekurangan output. Mereka juga menunjukkan bahawa dalam ekonomi pertengahan boleh di perembangkan dalam krisis kecairan, sementara ekonomi miskin dan kaya mempunyai lebih banyak insentif untuk membangunkan secara keseluruhan sistem perbankan. Seterusnya, ekonomi pertengahan mampu dalam menghadapi krisis ekonomi melalui proses pembangunan mereka, sepertimana mereka semakin kaya, dan turut diliputi sistem kewangan secara jangka panjang yang stabil.

Evan Gatev dan Philip E. Strahan (2003) pula membincangkan bahawa bank mempunyai keupayaan yang unik untuk mencegah dari kejutan kecairan. Aliran masuk deposit menunjukkan suatu pencegahan dalam permintaan pinjaman yang mana diikuti dalam kecairan pasaran. Oleh yang demikian, salah satu dari kepakaran bank ialah bank boleh memastikan penolakan sistematik dalam pasaran kecairan pada kadar yang rendah dari institusi kewangan yang lain. Pengkaji juga menyediakan bukti-bukti empirikal dari kajian komersial pasaran. Mengikut pengamatan pengkaji, sekiranya kecairan meningkat naik dan kadar kertas komersial meningkat, pengalaman bank dalam pembiayaan membolehkan mereka untuk meningkatkan permintaan pinjaman dari peminjam dan mengeluarkan pembiayaan dari kertas komersial tanpa mengganggu pegangan dalam aset kecairan mereka. Lebih-lebih lagi, pengeluaran pembiayaan yang murah adalah berpatutan pada kadar yang besar yang mana membolehkan harga baru kredit kebiasaannya jatuh ketika mana pasaran terbuka luas.

Salman Syed Ali (2004) menganalisis sumber risiko kecairan di bank Islam dengan mengenal pasti berbagai risiko melalui berbagai cara dalam kewangan yang digunakan di bank Islam, dan juga mengkaji pelaksanaan bank-bank ini dalam membolehkannya. Beliau menyatakan bahawa bank-bank Islam mempunyai kemampuan risiko yang lebih terjamin berbanding bank-bank konvensional.

Evan Gatev et. Al (2006) pula membincangkan berkaitan risiko kecairan di institusi perbankan yang mana membincangkan transaksi deposit dan kemampuan mereka dalam menjalankan pekerjaan atau berada dalam kecemasan. Mereka menunjukkan bagaimana transaksi deposit mampu membantu bank dalam menghindari risiko kecairan daripada pinjaman yang tidak digunakan. Kemaruapan pemulangan stok bank meningkat dengan ketidakgunaannya, akan tetapi hanya untuk bank dengan level yang rendah dalam transaksi deposit mereka. Peminjaman deposit ini menyebabkan bank menjadi lebih berkuasa dalam tempoh masa dalam kecairan yang kecil, dan apabila pelabur yang tidak berkeyakinan berpindah untuk melabur dalam bank mereka. Keputusan turut menunjukkan anggapan terhadap standard risiko kecairan di bank, menunjukkan pendeposit dilihat sebagai penyebab masalah.

Eric Chan et. al (2007) membincangkan berkenaan bon korporat dan kaitannya dengan kecairan. Mereka menyatakan bahawa kebanyakan fungsi bon korporat adalah berdasarkan pasaran pembangunan yang besar. Dengan menggunakan data set yang lepas dalam kajiannya sebelum ini, beliau mengkaji gerakan pemasaran aktiviti dalam menjalankan pasaran bon secara kecilan yang berlaku di Malaysia. Keputusan menunjukkan bahawa kadar kecairan di pasaran Malaysia adalah sama dengan apa yang berlaku di pasaran yang besar. Kadar pemulangan menunjukkan peningkatan diantara tahun 1998 dan juga 2004 tetapi menunjukkan sedikit perubahan selepasnya, dan pengkaji turut menegaskan bahawa pentingnya peningkatan kecairan dan pembangunan pasaran terhadap ekonomi.

Mathias Drehmann dan Kleopatra Nikolaou (2008) membincangkan tentang risiko pembiayaan kecairan yang mana memainkan peranan penting dalam sejarah krisis kewangan di bank. Walaubagaimanapun, bahan yang didasarkan pada data yang tersedia adalah sukar didapati. Mereka turut mendapati jurang menunjukkan secara agresif pembidaan lelongan di bank pusat menjelaskan risiko pembiayaan kecairan. Mereka juga menyatakan boleh sekiranya mendapatkan premium insuran dari bidaan bank yang mana dengan menggunakan risiko pembiayaan kecairan. Menggunakan data terdiri daripada segala bidaan lelongan penting untuk operasi pembiayaan semula lelongan yang diusahakan oleh ECB di antara jun 2005 dan oktober 2008, mereka mendapati bahawa pembiayaan risiko kecairan adalah secara tipikal stabil dan rendah, dengan sesekali meningkat, khususnya ketika ekonomi berada dalam krisis kewangan.

Chung Hua Shen et al.(2009) membincangkan berkaitan alternatif risiko kecairan selain nisbah kecairan dan juga mengkaji sebab risiko kecairan, dengan menggunakan panel tidak seimbang data set dari 12 komersial bank dalam tempoh 1994 hingga 2006. Kajian mendapati risiko kecairan menentukan pencapaian bank. Penyebab risiko kecairan termasuk komponen seperti kecairan aset dan juga kebergantungan atas dana luaran, penyeliaan dan juga faktor biasa dan faktor makroekonomi. Selain itu, kajiannya juga mendapati bahawa risiko kecairan mungkin membawa kepada keuntungan yang rendah disebabkan kos dana yang tinggi, akan tetapi meningkatnya bunga bersih. Selain itu, kajian juga mengklasifikasikan negara sebagai bank berdasarkan pasaran sistem kewangan. Keputusan menunjukkan bahawa risiko kecairan adalah negatif berhubung dengan pencapaian bank dalam pasaran sistem kewangan. Walaubagaimanapun, ia tidak membawa kesan terhadap pencapaian berdasarkan sistem kewangan.

Gianfranco A. Vento dan Pasquale La Ganga(2009) menganalisis teknik pengurusan risiko kecairan semasa dan kaedah pengawasan dalam memastikan bagaimana keduanya boleh dipertingkatkan lagi hasil kesan daripada krisis sub prima yang berlaku pada akhir 2007. Model kecairan risiko semasa ditunjukkan untuk menilai adakah ia mempengaruhi pembiayaan dan risiko pasaran dalam senario global pada masa kini. Kajian seterusnya menekankan kaedah yang paling signifikan dalam menghadapi risiko kecairan. Akhirnya, dalam konteks kekeringan kecairan di pasaran antara bank, bank di Itali menggunakan pendekatan dengan meningkatkan edaran kecairan dengan bank yang lain jika tidak mempunyai kecukupan kecairan pada masa tersebut.

Sanvi Avouyi-Dovi dan Julien Idier (2010) membincangkan kesan cagaran yang diperuntukkan sebagai potensi diantara tekanan pembiayaan kecairan dan juga kekurangan kecairan pasaran. Aliran ini merangkumi penyertaan pasaran yang menyebabkan risiko kecairan yang baru ke atas pasaran bersama dengan cagaran. Dalam keadaan tertentu, mereka mengkaji isu kecairan untuk pasaran bon kerajaan perancis, semenjak aset digunakan sebagai cagaran keduanya di operasi pasaran terbuka di ECB dan juga di pasaran antara bank. Mereka menggunakan peralihan kemungkinan pembolehkan masa model VAR memandangkan kedua-dua kitaran polisi kewangan dan juga kitaran perbendaharaan perlelongan. Mereka juga menekankan kewujudan aturan istimewa yang mana polisi kewangan biasa tidak disahkan di pasaran bon negara Perancis.

SPEKIFIKASI MODEL

Model-model yang dibentuk dalam kajian ini adalah bertujuan supaya ia dapat mewakili seberapa banyak faktor-faktor penting yang mempengaruhi pembolehubah bersandar. Dalam ekonomi terdapat batasan dari segi pengumpulan dan pengukuran data. Oleh itu, faktor-faktor yang tidak dimasukkan dalam model adalah terkandung dalam ralat rawak. Kajian lebih meneliti kekuatan dan kesan model pertumbuhan yang menyentuh faktor makroekonomi. Kajian oleh Chung-Hua Shen, Yi-Kai Chen, Lan-Feng Kao dan Chuan-Yi Yeh (2009), turut membincangkan teori dan spesifikasi ekonometrik yang sama.

Model ini menyediakan analisis ekonomi keatas penyebab risiko kecairan. Selain itu mereka turut membahagikan punca atas risiko kecairan kepada faktor dalaman dan luaran. Untuk mengkaji

hubungan di antara risiko kecairan dan spesifikasi bank, pengawasan dan pembolehubah makroekonomi, panel tetap kesan regresi model telah dibangunkan :

$$L_{it} = c_i \sum_{b=1}^B \lambda_b \prod_{it}^b + \sum_{s=1}^S \delta_s \prod_{jt}^s + \sum_{m=1}^M \gamma_m \prod_{jt}^m + \varepsilon_{it}$$

Di mana L_{it} adalah risiko kecairan dari i bank pada masa t , dengan $i = 1, \dots, N$, $t = 1, \dots, T$. Dalam kajiannya, nisbah jarak kewangan dan juga nisbah pinjaman bersih kepada pelanggan dan pinjaman jangka pendek. $\prod_{it}^b, \prod_{jt}^s, \prod_{jt}^m$, adalah spesifikasi bank dan pemboleh ubah makroekonomi dengan $b = 1, \dots, B$, $s = 1, \dots, S$, $m = 1, \dots, M$, masing-masing. j merujuk kepada negara di mana i bank beroperasi, c adalah terma malar ; ε_{it} ialah ralat. Berikut adalah kerangka model yang telah diubahsuai ;

$$LQ_{it} = \beta_1 + \beta_2 LQ_{it-1} + \beta_3 fin_{it} + \beta_4 ROA_{it} + \beta_5 IB_{it} + \beta_6 car_{it} + \beta_7 size_{it} + \beta_8 size_{it}^2 + \beta_9 inf_{it} + \beta_9 inf_{it-1} + \beta_{10} M3_{it} + \beta_{11} \Delta gdp_{it} + \varepsilon_{it} + u_i$$

$$i = 1, 2, \dots, N \text{ (bilangan bank)} \quad t = 1, 2, \dots, T \text{ (tempoh masa)}$$

Pemboleh Ubah	Takrif
LQ_{it}	Jumlah Deposit Per Jumlah Aset
fin_{it}	Jumlah Pembiayaan Per Jumlah Aset
ROA_{it}	Pulangan Sebelum Cukai Per Jumlah Aset
IB_{it}	Kadar Bunga Jangka Pendek Antara Bank Pasaran Wang Tiga Bulan
car_{it}	Keperluan Modal
$size_{it}$	Jumlah Aset*
inf_{it}	Kadar Inflasi
$M3_{it}$	Bekalan Wang*
Δgdp_{it}	Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar

Nota: data pemboleh ubah diperolehi dari pangkalan data pengawal seliaan yang disediakan oleh laporan tahunan bank Malaysia

**nilai dalam bentuk log*

PENERANGAN PEMBOLEHUBAH

- i. Pembiayaan (fin_{it}) memainkan peranan yang penting dalam memastikan keutuhan dan kelangsungan sesebuah bank. Peningkatan jumlah pembiayaan akan menyumbang kepada keuntungan dan kecapan sesebuah bank. Setiap jenis pinjaman mempunyai profil risiko dan keberuntungan masing-masing. Pada amnya, semakin tinggi risiko yang ditanggung, semakin tinggi pulangan yang diterima.
- ii. Keuntungan Bank (ROA_{it}) adalah satu ukuran keuntungan sebelum cukai dibahagikan dengan jumlah aset. Pemboleh ubah ini menunjukkan jumlah keuntungan bank terhadap jumlah aset.
- iii. Pemboleh ubah itb_{it} merupakan wang yang disimpan oleh bank dalam bentuk simpanan yang berjangka pendek dan kadar bagi jangka pendek ini akan digunakan untuk menentukan kos pinjaman.

- iv. Modal dan Rizab (Car_{it}), sebagai suatu bahagian liabiliti dalam jumlah lembaran imbalan. Ini termasuk modal berbayar, dana-dana rizab, keuntungan tertahan dan wang modal lain. Modal dan Rizab terdiri daripada dana sendiri atau modal teras sesebuah bank. Lebih banyak risiko pelaburan dilakukan maka lebih banyak lagi modal diperlukan.
- v. Jumlah Aset Bank ($size_{it}$) iaitu hasil tambah antara tunai, deposit, pelaburan untuk urusniaga dan pinjaman bank. Ia dimasukkan untuk mengesan kewujudan ekonomi bidangan dalam kajian. $size_{it}$ boleh berubah dengan dua faktor, pertamanya: perubahan dalam kawalan peraturan modal seperti peningkatan rizab di bank pusat. Disebabkan antara sub komponen dalam $size_{it}$ ialah deposit tunai, maka kejatuhan dalam kadar bunga bank akan menyebabkan peralihan sumber dari bank kepada pembelian aset lain yang boleh mendatangkan pulangan yang lebih baik. Pemboleh ubah jumlah aset bank ($size^2_{it}$) digunakan untuk mengesan hubungan yang tidak linear sebagaimana di cadangkan oleh Chung Hua Shen et al(2009).
- vi. Kadar Inflasi(inf_{it}) : Merupakan satu keadaan yang dialami oleh sesebuah ekonomi yang menunjukkan kenaikan tingkat harga umum yang berterusan dan tidak terbatas. Ahli ekonomi Perancis iaitu Sais mendefinisikan inflasi sebagai 'terlampau banyak wang memburu sedikit barang-barang'. Dalam konteks kajian ini, kadar inflasi boleh memberikan kesan kepada kos dan penghasilan bank.
- vii. Bekalan wang sebenar ($M3_{it}$), ditakrifkan jumlah wang tunai dicampur simpanan semasa, simpanan tabungan, simpanan tetap bank perdagangan dicampur simpanan tabungan dan tetap di institusi perbankan lain. Pertumbuhan bekaln wang menunjukkan pertumbuhan sebenar terutama penunjuk potensi pertumbuhan ekonomi masa hadapan (Boeschoten et al. 1994).
- viii. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (Δgdp_{it}) diambil sebagai ukuran pembangunan makroekonomi. Dalam konteks kajian ia merupakan petunjuk utama dalam permintaan perkhidmatan perbankan termasuk sambungan dari pinjaman dan bekaln wang. Pemboleh ubah ini menjadi petunjuk kepada kitaran ekonomi di mana kos bank mengadakan kecairan dijangka berhubungan dengan kitaran ekonomi.

SAMPEL KAJIAN

Kajian ini menggunakan sampel 17 buah bank Islam penuh (*full-fledged*) terpilih yang ditakrifkan sebagai Bank Islam oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk tempoh 1994 sehingga 2009. Manakala bagi indeks data pemboleh ubah makroekonomi Malaysia seperti kadar inflasi dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), data diambil daripada GMID, Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries.

ANALISIS EMPIRIKAL

Perbincangan akan dibahagikan kepada dua bahagian. Dalam bahagian pertama, akan menerangkan analisis diskriptif pemboleh ubah iaitu statistik karektor setiap pemboleh ubah yang digunakan dalam model boleh ditentukan. Min, median, sisihan piawai, kepencongan, kurtosis, dan nilai Jaque-bera dapat menentukan kelakuan statistik pemboleh ubah. Manakala bahagian kedua adalah hasil penganggaran GMM dari model yang telah dibina.

Analisis deskriptif

Analisis deskriptif dilakukan untuk melihat ciri statistik data yang digunakan sebagai pemboleh ubah kajian seperti min dan sisihan piawai serta kenormalan taburan data yang digunakan. Min merujuk kepada nilai purata setiap pemboleh ubah bagi keseluruhan sampel kajian manakala sisihan piawai menunjukkan serakan atau variasi taburan data dari nilai min. Jadual 1 menunjukkan ringkasan statistik deskriptif asas pemboleh ubah yang terlibat dalam model yang dibentuk dalam kajian berdasarkan kepada dua petunjuk utama iaitu petunjuk makroekonomi dan spesifikasi bank.

Berdasarkan jadual 1 didapati bahawa pemboleh ubah jumlah aset mencatatkan nilai purata taburan data yang paling tinggi dengan nilai min berjumlah 14.5401, manakala pemboleh ubah ROA_{it}

menunjukkan nilai purata paling rendah iaitu 0.0166. Sepanjang tempoh kajian, perbankan Islam di Malaysia mempunyai kekukuhan dari keperluan modal mereka. Ini ditunjukkan oleh nilai purata car_{it} 10.4476 iaitu melebihi kadar 8% yang ditetapkan oleh pengawal selia. Dari sudut makro ekonomi, didapati Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (Δgdp_{it}) secara puratanya 5.564% dan kadar inflasi (inf_{it}) sepanjang 1994 hingga 2009 adalah masih rendah iaitu 2.077%.

Seterusnya, nilai sisihan piawai adalah untuk menentukan variasi sesuatu data yang digunakan. Pembolehubah kecairan mempunyai nilai sisihan piawai tertinggi iaitu 22.4736. Ini menunjukkan bank menyimpan kecairan adalah tidak secara tetap dalam kajian dilakukan. Serakan data yang kecil wujud pada taburan data bagi pembolehubah keuntungan. Bagi pembolehubah makro ekonomi, didapati serakan data adalah rendah dari nilai min setiap pembolehubah.

Berdasarkan ukuran kepencongan pula, didapati pembolehubah-pembolehubah makro seperti Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (Δgdp_{it}) dan bekalan wang ($M3_{it}$) mempunyai serakan data yang negatif manakala pembolehubah inflasi data berserakan secara positif. Bagi pembolehubah bank spesifik, didapati jumlah pembiayaan, ROA_{it} dan jumlah aset mempunyai data berserakan negatif manakala kecairan, IB_{it} dan kecukupan modal berserakan positif.

Kepuncakan atau kurtosis dilakukan bagi melihat kenormalan taburan data. Didapati pembolehubah IB_{it} , inflasi dan bekalan wang mempunyai nilai kepuncakan yang menghampiri tiga bagi memenuhi kriteria data taburan normal. Ujian Jarque-Bera digunakan bagi mengesahkan tahap kenormalan taburan data. Daripada jadual 1 menunjukkan semua pembolehubah adalah signifikan kecuali pembolehubah pasaran wang antara bank yang tidak signifikan. Ini menunjukkan bahawa kesemua data bertabur secara tidak normal. Oleh itu penganggaran secara kuasa terkecil adalah tidak sesuai dengan data kajian.

Analisis korelasi

Analisis korelasi merupakan kaedah mudah untuk mengesan kewujudan hubungan (kolineariti) berbilang dalam data berdasarkan matriks korelasi pembolehubah. Ia menguji dan mengukur darjah kekuatan (nilai mutlak) hubungan di antara Y dan X. Melalui ujian korelasi juga dapat menentukan jenis hubungan atau tanda arah rajah sama ada bergerak dari kiri ke kanan atau kanan ke kiri. Dengan itu, nilai korelasi yang agak tinggi di antara dua pembolehubah bebas menunjukkan kemungkinan kewujudan kolineariti berbilang. Jadual 2 menunjukkan korelasi matriks bagi pembolehubah bebas.

Berdasarkan jadual korelasi di dapati keseluruhan pembolehubah penerang yang digunakan mempunyai hubungan korelasi yang signifikan dengan pembolehubah kecairan kecuali pembolehubah Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (Δgdp_{it}). Pembolehubah $size_{it}$ mempunyai nilai signifikan negatif yang kuat menunjukkan semakin besar jumlah aset semakin kurang pihak perbankan mengadakan kecairan mereka.

Jumlah pembiayaan turut menunjukkan nilai hubungan negatif yang negatif dengan kecairan. Ini menunjukkan perbankan Islam memilih samada untuk mengurangkan kecairan mereka untuk memberikan pembiayaan yang akan menjana pendapatan kepada mereka. Kesilapan dalam membuat keputusan bakal memberi kerugian kepada pihak bank.

Pembolehubah makro ekonomi iaitu Δgdp_{it} dan $M3_{it}$ menunjukkan hubungan yang negatif dengan kecairan. Walaubagaimana pun hubungan Δgdp_{it} dengan kecairan adalah tidak signifikan. Manakala pembolehubah inflasi menunjukkan hubungan yang positif dengan kecairan.

Dari segi diagnostik, Ujian Sargan gagal untuk menolak hipotesis nol terhadap kesahihan koefisien yang digunakan bagi kedua-dua teknik penganggaran. Keputusan menunjukkan pembolehubah lat bagi kecairan adalah bererti dalam mengesahkan spesifikasi dinamik pada aras satu peratus. Ini menunjukkan kecairan lepas begitu mempengaruhi kecairan semasa perbankan Islam. Hal ini boleh dilihat apabila perbankan membuat penumpuan aktif dalam pasaran wang antara bank secara Islam yang menjanjikan pulangan tinggi dalam masa singkat bermula dari tempoh semalaman (overnight) hingga setahun.

Pembolehubah jumlah pembiayaan (fin_{it}) berhubung secara songsang dengan kecairan. Kenaikan dalam jumlah pembiayaan akan mengurangkan kecairan dalam perbankan Islam. Ini menunjukkan perbankan Islam lalai dalam menjaga deposit permintaan mereka dan seterusnya boleh menjadi punca terhadap krisis sub prima kerana bank kekurangan kecairan berbanding dengan jumlah

pembiayaan yang diberikan. Ini bersamaan dapatan kajian lepas (Athanasoglou et al., 2006; Athanasoglou et al., 2008, Kosmidou, 2008).

Jumlah aset ($size_{it}$) berhubung negatif dengan kecairan. Semakin besar jumlah asset semakin kurang kecairan yg disediakan. Ini bertepatan teori “too big to fail”. Dengan perbankan Islam percaya bahawa mereka mempunyai insentif untuk mengurangkan pengambilan risiko dan memegang lebih banyak pinjaman. Walaubagaimanapun, setiap pinjaman ataupun pembiayaan yang dikeluarkan perlu diteliti dan memenuhi syarat dan piawai yang ditetapkan bagi mengelak sebarang kemungkinan masalah kewangan yang boleh menjadi suatu perniagaan merugikan bagi pihak bank.

Pembolehubah inflasi dan inflasi yang lepas memainkan peranan penting dalam penyediaan kecairan oleh perbankan Islam. Hubungan koefisiennya yang negatif menunjukkan bank terpaksa mengurangkan kecairan kerana kos yang terpaksa ditanggung semakin meningkat. Staikourous (2003) mengatakan bahawa inflasi boleh memberikan kesan langsung (iaitu peningkatan upah buruh) dan kesan tidak langsung (perubahan kadar faedah dan harga aset) ke atas keuntungan sesebuah bank. Ini kerana kadar inflasi yang tinggi akan mengakibatkan bank tidak mampu mengawal kadar faedah dengan cepat dan menyebabkan kos bank meningkat mendadak berbanding keuntungan bank.

Keuntungan dalam perniagaan akan menyebabkan perbankan Islam akan menambahkan kadar kecairan perbankan tersebut. Ini ditunjukkan dengan nilai koefisien yang tinggi dan signifikan pada pembolehubah ROA_{it} . Ini menunjukkan bahawa keuntungan bersifat pro-kitaran, iaitu keuntungan akan membolehkan bank mengadakan kecairan yang lebih baik. Pertambahan pendapatan pembiayaan dan disokong oleh risiko kemungkiran yang rendah menyebabkan keuntungan bertambah. Dapatan kajian menyamakan kajian yang diperolehi oleh pengkaji terdahulu di mana ROA_{it} berhubung secara positif dengan kecairan (Bourke (1989), Molyneux and Thornton (1992), Demirgüç-Kunt, Laeven and Levine (2003), Kosmidou, Tanna and Pasiouras (2005)).

Koefisien faktor makroekonomi amat signifikan kepada kecairan bank di mana kedua-dua model menunjukkan pembolehubah Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (Δgdp_{it}) adalah signifikan dan berhubung secara langsung. Ini menunjukkan bahawa perbankan Islam menyediakan kecairan bersifat pro-kitaran, iaitu pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan memberikan prospek perniagaan yang baik kepada bank dan membolehkan bank menjana pendapatan yang tinggi. Pertambahan pendapatan pembiayaan dan disokong oleh risiko kemungkiran yang rendah menyebabkan keuntungan bertambah. Oleh itu peningkatan ekonomi mampu menjana keuntungan bagi bank. Maka bank akan mengadakan kecairan yang apabila ekonomi negara sedang meningkat.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan pembolehubah kawalan makroekonomi, kitaran ekonomi (Δgdp_{it}) secara jelas menjejaskan prestasi sektor perbankan. Kesan daripada kitaran ekonomi adalah tak simetri kerana ia berhubungan secara positif dengan keuntungan hanya apabila output adalah melebihi trendnya. Keputusan empirikal ini menyediakan bukti yang keuntungan bank Malaysia adalah dibentuk oleh faktor bank-spesifik (terjejas oleh tahap pengurusan bank) dan makroekonomi. Pembolehubah kawalan tidak secara langsung menghasilkan keputusan kepada pengurusan bank tetapi ia boleh memberi maklumat penting dalam meramalkan laluan kitaran ekonomi oleh pengurusan bank. Justeru kajian ini mengemukakan beberapa implikasi dasar yang dilihat bersesuaian dengan kelakuan perbankan Islam dalam menyediakan kecairan:

- i. Perbankan Islam perlu menentukan terlebih dahulu tujuan dan matlamat permohonan pembiayaan supaya selaras dengan “dasar beri pembiayaan bank” agar tidak menimbulkan masalah pada masa hadapan. Tindakan ini penting kerana tanpa tujuan yang benar dan kukuh, pembiayaan yang dikeluarkan akan menimbulkan risiko kesamaran bayaran balik pembiayaan dan menyebabkan aliran pembayaran balik pembiayaan terputus oleh keadaan tidak terkawal.
- ii. Selain itu, perbankan Islam perlu memastikan bekalan deposit bank sentiasa mencukupi, stabil serta menjanjikan kadar pulangan yang kompetitif dari semasa ke semasa. Deposit merupakan sumber utama bagi pembiayaan dan pendahuluan (*advances*) kepada para pelanggan. Ketidakstabilan deposit akan menjejaskan aktiviti beri pembiayaan perbankan Islam. Jurang tempoh masa deposit berjangka pendek

dan pembiayaan bersifat jangka panjang juga perlu dikurangkan melalui pendekatan bersesuaian.

RUJUKAN

- Alejandro Gaytan et.al, (2003), *Banks, Liquidity Crises and Economic Growth*, New York University
- Athanasoglou, P. P., Brissimis, S. N., and Delis, M. D. (2008), "Bank-Specific, Industry-Specific and Macroeconomic Determinants of Bank Profitability," *Journal of International Financial Markets, Institutions and Money*, Vol. 18, 121-136.
- Athanasoglou, P. P., Delis, M. D., and Staikouras, C. K. (2006), "Determinants of Bank Profitability in the South Eastern European Region," *Bank of Greece Working Paper No. 47*.
- Bourke, P. (1989), "Concentration and Other Determinants of Bank Profitability in Europe, North America and Australia," *Journal of Banking and Finance*, Vol. 13, 65-79.
- Demirgüç-Kunt, A., Laeven, L., and Levine, R. (2003), "The Impact of Bank Regulations, Concentration, and Institutions on Bank Margins," *World Bank Policy Research Working Paper NO. 3030*.
- Eric Chan et. All (2007), *Liquidity in an emerging bond market: a case study of corporate bonds in Malaysia*, Conference on "Bond market developments in a comparative perspective: Asia, Europe, Latin America.
- Eric Chan et. all. (2007), *Liquidity in an emerging bond market: a case study of corporate bonds in Malaysia*, Conference on "Bond market developments in a comparative perspective: Asia, Europe, Latin America.
- Evan Gatev dan Philip E. Strahan, (2003), *Banks' Advantage in Hedging Liquidity Risk: Theory and Evidence from the Commercial Paper Market*, The Wharton Financial Institutions Center
- Evan Gatev et.all , (2006), *Managing Bank Liquidity Risk : How Deposit-Loan Synergies Vary With Market Conditions*.
- Global Market Information Database (GMID), <http://www.portal.euromonitor.com>
- Gualandri, Elisabetta and Valeria Venturelli, 2008, "Assessing and measuring the equity gap and the equity requirements for innovative SMEs", *CEFIN Working Papers No. 6*, Universita di Modena.
- Ismal, R. (2010). "Assessment of liquidity management in Islamic banking industry". *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* , 147-167.
- Ismal, R. (2010). "Strengthening and improving the liquidity management in Islamic banking". *Humanomics* , 18-35.
- Kosmidou, K. (2008), "The Determinants of Banks' Profits in Greece during the Period of EU Financial Integration," *Managerial Finance*, Vol. 34, 146-159.
- Kosmidou, K., Tanna, S., and Pasiouras, F. (2005), "Determinants of Profitability of Domestic UK Commercial Banks: Panel Evidence from the Period 1995-2002," *Money Macro and Finance (MMF) Research Group Conference*.
- Mathias Drehmann dan Kleopatra Nikolaou (2008), *Funding Liquidity Risk, Defination And Measurement*, BIS Working Papers
- Molyneux, P., and Thornton, J. (1992), "Determinants of European Bank Profitability: A Note," *Journal of Banking and Finance*, Vol. 16, 1173-1178.
- Muhammad Farhan Akhtar, Khizer Ali, Shama Sadaqat(2011), *Liquidity Risk Management: A comparative study between Conventional and Islamic Banks of Pakistan*, *Interdisciplinary Journal of Research in Business* .Vol. 1, Issue. 1, January 2011,35-44
- Salman Syed Ali, (2004), *Islamic Modes of Finance and Associated Liquidity Risks*, Conference on Monetary Sector in Iran: Structure, Performance and Challenging Issues
- Sanvi Avouyi-Dovi dan Julien Idier (2010), *Central Bank liquidity and Market liquidity: The Role Of Collateral Provision on The French Government Debt Securities Market*.
- Sanvi Avouyi-Dovi dan Julien Idier (2010), *Central Bank liquidity and Market liquidity: The Role Of Collateral Provision on The French Government Debt Securities Market*.
- Smith, R., C. Staikouras & G. Wood.(2003) *Non-interest income and total income stability?* Bank of England Working Paper 198.

JADUAL 1: Statistik Deskriptif Pembolehubah

	Mean	Std. Dev.	Skewness	Kurtosis	Jarque-Bera
LQ_{it}	3.4322	22.4736	12.0649	156.2635	193578.6000*
fn_{it}	13.5035	2.9507	-1.9735	8.8011	377.4452*
ROA_{it}	0.0166	0.0136	-0.1227	11.3970	511.6355*
IB_{it}	4.0617	1.9166	1.1957	2.9798	64.8143*
car_{it}	10.4476	135.7593	13.5158	183.7845	258956.5000*
$size_{it}$	14.5401	2.1181	-0.3741	4.5875	24.7698*
$size_{it}^2$	214.7643	62.2962	0.2332	5.7825	64.3439*
inf_{it}	2.7077	1.3733	0.4847	2.4176	14.4924*
$M3_{it}$	13.1333	0.4106	-0.2040	2.2620	8.0588**
Δgdp_{it}	5.5640	4.0566	-1.9128	6.8756	336.0983*

*Signifikan pada 1%

**Signifikan pada 5%

***Signifikan pada 10%

JADUAL 2: Analisis Korelasi Pemboleh ubah

	LIQ_{it}	$size_{it}$	fn_{it}	Δgdp_{it}	ROA_{it}	IB_{it}	car_{it}	$M3_{it}$	inf_{it}	$size^2_{it}$
LIQ_{it}	1.0000									
$size_{it}$	-0.6889*	1.0000								
fn_{it}	-0.7506*	0.8859*	1.0000							
Δgdp_{it}	-0.0416	0.1139	0.1110	1.0000						
ROA_{it}	0.2599*	-0.1468*	-0.1869**	-0.2253*	1.0000					
IB_{it}	0.4490*	-0.4935*	-0.4071*	-0.3662*	0.1679*	1.0000				
car_{it}	0.1412**	-0.1609*	-0.2343*	0.0634	0.0206	0.0759*	1.0000			
$M3_{it}$	-0.3783*	0.6429*	0.5399*	0.0635	-0.1032	-0.5427*	0.0276*	1.0000		
inf_{it}	0.1331*	-0.0921	-0.0920	-0.3396*	0.0200	0.5557*	0.0807	0.0010	1.0000	
$size^2_{it}$	-0.6168*	0.9924*	0.8579*	0.1077	-0.1267	-0.4603*	-0.1418*	0.6321*	-0.0779	1.0000
	*Signifikan pada 1%		**Signifikan pada 5%		***Signifikan pada 10%					

JADUAL 3: Keputusan Penganggaran Model

$$LQ_{it} = \beta_1 + \beta_2 LQ_{it-1} + \beta_3 fin_{it} + \beta_4 ROA_{it} + \beta_5 IB_{it} + \beta_6 car_{it} + \beta_7 size_{it} + \beta_8 size^2_{it} + \beta_9 inf_{it} + \beta_9 inf_{it-1} + \beta_{10} M3_{it} + \beta_{11} \Delta gdp_{it} + \varepsilon_{it} + u_i$$

Spesifikasi	Parameter Penganggaran	
	GMM-Difference	GMM-System
LQ_{it-1}	0.2265 (2.4108)**	0.3365 (4.3977)*
fin_{it}	-0.1378 (-7.3106)*	-0.2069 (-5.9177)*
ROA_{it}	15.5751 (1.1865)	27.3458 (2.0918)*
IB_{it}	0.1536 (1.6460)	0.2813 (2.6048)*
car_{it}	-0.2672 (-0.2360)	-3.8488 (-1.7496)*
$size_{it}$	-10.2460 (-3.1024)*	-5.6418 (-2.3876)*
$size^2_{it}$	0.3560 (2.8353)*	0.1853 (2.0274)**
inf_{it}	-0.1234 (-1.3268)	-0.2391 (-1.8449)**
inf_{it-1}	-0.1009 (-1.8767)**	-0.1472 (-1.5642)
$M3_{it}$	-1.1832 (-1.1704)	1.5384 (1.1531)
Δgdp_{it}	0.0425 (3.3074)*	0.0697 (2.8621)*
Sargan-Test	5.7243	8.4856
AR (1)	-0.23	-0.33
AR (2)	-0.63	-0.57

*Signifikan pada 1%

**Signifikan pada 5%

***Signifikan pada 10%